

Penggunaan Bahasa Malaysia capai tahap membanggakan

SEPT
11 M. 10 AUG 1980

— Dr. M

KUALA LUMPUR, 9 Sept. — Timbalan Perdana Menteri Malaysia, Datuk Sri Dr. Mahathir Mohammad melahirkan rasa yakinnya terhadap kecenderungan rakyat negara ini yang sudah mencapai tahap yang boleh dibanggakan dalam penggunaan Bahasa Malaysia.

Dalam ucapan alu-aluannya di majlis Malam Puisi Tanahair yang kedua di Dewan Bahasa dan Pustaka di sini malam ini, Datuk Sri Dr. Mahathir juga membidas segelintir daripada generasi baru yang menggunakan kata pinjaman Bahasa Inggeris tanpa mengetahui maksud sebenarnya.

Beliau juga berharap dengan adanya majlis-majlis seperti mana yang dianjurkan oleh Grup Teater Elit ini akan menonjolkan satu bahasa yang mempunyai kualiti seni yang tepat.

Timbalan Perdana Menteri yang juga menjadi penaung Grup Teater Elit berkata, sememangnya

Bahasa Malaysia adalah satu bahasa yang kaya kerana ia tidak membendung dirinya pada sifat tradisional malah ia menerima tokok tambah dari bahasa-bahasa luar seperti bahasa Parsi, Sanskrit dan Arab.

"Bahasa dan penggunaan bahasa dapat juga membentuk satu kebudayaan yang sama dan dari sinilah akan menimbulkan satu bangsa dari satu kebudayaan yang cintakan satu negara," tegas beliau lagi.

Beberapa orang penyajak dan penyair tanahair telah mendeklamasikan sajak-sajak mereka di majlis itu.

Antara mereka ialah Usman Awang, Dinsman, Sutung Umar R.S. dan beberapa orang lainnya.

Koir dari Maktab Perguruan Ilmu Khas telah menyumbang empat buah lagu yang bertema kebanggaan negara di majlis itu.

Penyanyi yang tidak asing lagi, Sudirman Haji Arshad juga tidak ketinggalan menyampaikan sajak khas yang bertajuk 'Aku Negara Mu' dan seterusnya sebuah lagu Seniman Tua.

Beberapa buah tarian dari penari-penari Grup Teater Elit turut dipersembahkan berdasarkan beberapa buah sajak yang dideklamasikan, turut memeriahkan majlis itu.

Seramai kira-kira 300 orang menghadiri majlis Malam Puisi yang kedua itu.